



KENYATAAN MEDIA
EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
SELANGOR MEMPERKUKUH PENGLIBATAN WANITA DALAM
PEMBUATAN DASAR MELALUI SIWANIS 2025/2026

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor telah menganjurkan Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025/2026 yang melabuhkan tirainya hari ini di Dewan Negeri Selangor, dengan menyaksikan perbahasan tiga usul utama yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan tenaga kerja, pengukuhan ekonomi penjagaan serta pendidikan yang inklusif.
2. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Speaker Dewan Negeri Selangor serta Open University Malaysia (OUM), dan menerima sokongan dana daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2025.
3. Memasuki kohort keempat pelaksanaannya, SIWANIS 2025/2026 melibatkan penyertaan seramai 56 orang peserta yang terdiri daripada alumni SIWANIS serta aktivis politik, dengan tumpuan kepada latihan pengukuhan kepimpinan dan persediaan ke arah meningkatkan representasi wanita dalam penggubalan dasar dan undang-undang di peringkat negeri.
4. Sepanjang persidangan, tiga usul telah dibentangkan dan dibahaskan, iaitu:
 - a. Cadangan mewujudkan sekolah KAFA integrasi khusus bagi manfaat anak-anak orang kurang upaya (OKU) dan berkeperluan khas di Negeri Selangor;
 - b. Pemeraksanaan aturan kerja fleksibel ke arah peningkatan produktiviti yang inklusif; dan



- c. Penguatan infrastruktur ekonomi penjagaan bagi menyokong golongan generasi sandwich serta keluarga berpendapatan dua sumber.
5. Pelaksanaan SIWANIS 2025/2026 mencerminkan komitmen serius Kerajaan Negeri Selangor serta Kerajaan MADANI dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam proses pembuatan keputusan dan kepimpinan awam, seiring Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 serta aspirasi pembangunan yang berteraskan keterangkuman, keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.

YB ANFAAL BINTI SAARI

6 Januari 2026